

SENARAI ANUGERAH PBSMM

<u>KATEGORI ANUGERAH</u>	<u>NAMA ANUGERAH</u>	<u>KRITERIA PENCALONAN</u>
KATEGORI 1	AHLI KEHORMAT SEUMUR HIDUP (<i>Honorary Life Membership</i>)	Dianugerahkan oleh Pengerusi Kebangsaan atas sokongan Jawatankuasa Anugerah PBSMM kepada orang-orang yang terhormat yang telah mencurahkan khidmat-khidmat yang bernilai sejajar dengan Prinsip-prinsip Bulan Sabit Merah. Tidak lebih daripada empat (4) anugerah dalam setiap tahun.
KATEGORI II	PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (<i>Distinguished Service Medal</i>)	Dianugerah oleh Pengerusi Kebangsaan atas sokongan Jawatankuasa Anugerah PBSMM kepada ahli-ahli yang telah memberikan perkhidmatan yang bernilai kepada Persatuan dalam tempoh tidak kurang daripada sepuluh (10) tahun.
KATEGORI III	PINGAT KEBAKTIAN TERPILIH (<i>Excellent Service Medal</i>)	Dianugerahkan oleh Pengerusi Kebangsaan atas sokongan Jawatankuasa Anugerah PBSMM kepada ahli-ahli yang telah melengkap perkhidmatan terpilih sekurang-kurangnya selama sepuluh (10) tahun perkhidmatan selepas melepasi had umur 18 tahun.
KATEGORI IV	PINGAT JASA TERPUJI (<i>Meritorious Service Medal</i>)	Dianugerahkan oleh Pengerusi Kebangsaan atas sokongan Jawatankuasa Anugerah PBSMM kepada ahli-ahli yang telah melengkap perkhidmatan yang terpuji sekurang-kurangnya selama lima (5) tahun selepas melepasi had umur 18 tahun.
KATEGORI V	SIJIL KEPUJIAN (<i>Certificate of Merit</i>)	Dianugerahkan oleh Pengerusi Kebangsaan atas sokongan Jawatankuasa Anugerah PBSMM kepada ahli-ahli yang telah melengkap perkhidmatan khusus kepada Persatuan sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun selepas melepasi had umur 18 tahun.
KATEGORI KHAS	PINGAT KEBERANIAN (<i>Gallantry Award</i>)	Dianugerahkan oleh Pengerusi Kebangsaan kepada mana-mana ahli diatas keberaniannya.
	PINGAT PERKHIDMATAN LAMA (<i>Long Service Medal</i>)	Melengkap perkhidmatan yang berterusan selama sepuluh (10) tahun - setelah melepasi had umur LAPAN BELAS (18) tahun dan satu 'BAR' dianugerah bagi setiap lima (5) tahun selepasnya. (diluluskan pada 4.4.71).

	ANUGERAH KHAS DERMAWAN <i>(Special Award for Benefactors)</i>	Dianugerahkan oleh Pengerusi Kebangsaan kepada Syarikat Perdagangan, Industri, Firma persendirian atau orang perseorangan yang bermurah hati memberikan sokongan mereka kepada Persatuan yang mana Jawatankuasa Pengurusan Kebangsaan berpendapat bahawa mereka berhak menerima anugerah. (Derma mestilah melebihi RM100,000.00)
	ANUGERAH KHAS KHIDMAT ISTIMEWA	lanya dianugerahkan kepada ahli-ahli yang telah memberi khidmat istimewa khusus untuk sesuatu tugas yang menaikkan imej Persatuan dan juga menepati sepenuhnya keperluan tujuh prinsip-prinsip PBSMM.

BELIA

KATEGORI I	PINGAT JASA TERPUJI (BELIA) <i>(Meritorious Service Medal - Youth)</i>	Dianugerahkan oleh Pengerusi Kebangsaan atas sokongan Jawatankuasa Anugerah PBSMM / Jawatankuasa Anugerah Negeri kepada ahli-ahli Belia yang telah melengkapkan perkhidmatan yang terpuji sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun.
KATEGORI II	SIJIL KEPUJIAN BELIA <i>(Certificate of Merit - Youth)</i>	Dianugerahkan oleh Pengerusi Kebangsaan atas sokongan Jawatankuasa Anugerah PBSMM/Jawatankuasa Anugerah Negeri kepada ahli-ahli Belia yang telah memberikan perkhidmatan khusus kepada Persatuan.